

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]
TARIKH : 26.10.2016 (RABU)

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah peniaga dalam talian "*online*" yang telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan apakah terdapat sebarang usaha dalam penguatkuasaan syarat pendaftaran perniagaan "*online*" dengan lebih terperinci agar kadar kes penipuan hasil daripada jual beli secara *online* dapat dikurangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang, secara amnya sebarang bentuk perniagaan perlu dijalankan melalui entiti-entiti yang telah ditetapkan di bawah Akta-akta yang ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Sehingga 30 September 2016, sebanyak 42,452 entiti yang menjalankan perniagaan secara dalam talian telah didaftarkan di SSM. Jumlah tersebut meliputi entiti-entiti yang didaftarkan di bawah undang-undang yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu perniagaan milikan tunggal atau perkongsian, syarikat dan juga perkongsian liabiliti terhad.

Selain daripada melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan perniagaan yang dijalankan mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan, SSM juga sedang menjalankan kajian terhadap pelaksanaan pensijilan *Biztrust* SSM, sebagai salah satu inisiatif dalam menangani isu penipuan perniagaan dalam talian dan risiko keselamatan siber.